

Inflasi mereda kepada 1.9 peratus pada September

PETALING JAYA: Inflasi Malaysia terus mereda kepada 1.9 peratus pada September 2023 dengan mata indeks mencatatkan 130.8 berbanding 128.3 pada bulan sama tahun sebelumnya, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawannya, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, inflasi keseluruhan secara bulanan pada September 2023 meningkat 0.1 peratus disumbangkan oleh Minuman Alkohol dan Tembakau dan Pelbagai Barang dan Perkhidmatan, masing-masing mencatatkan kenaikan 0.4 peratus dan 0.2 peratus.

Sementara itu, inflasi bagi suku tahun ketiga 2023 me-

ningkat 2.0 peratus kepada 130.7 berbanding 128.1 pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya.

“Bagi perbandingan suku tahunan pula inflasi meningkat 0.4 peratus, kadar yang sama direkodkan pada suku tahun kedua 2023. Inflasi teras kekal pada 2.5 peratus kadar yang sama yang direkodkan pada Ogos 2023, namun ia masih melepas dari kadar inflasi negara (1.9 peratus).

“Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol iaitu dengan kenaikan 5.1 peratus. Ini diikuti oleh kumpulan Restoran dan Hotel (4.4 peratus) dan Pengangkutan (2.9 pera-

tus),” katanya dalam kenyataan.

Mohd. Uzir berkata, sebagai perbandingan dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.9 peratus) lebih rendah berbanding Filipina (6.1 peratus), Zon Eropah (4.3 peratus), Republik Korea (3.7 peratus), Vietnam (3.7 peratus), Amerika Syarikat (3.7 peratus) dan Indonesia (2.3 peratus). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (0.3 peratus) dan China (0.0 peratus).

Beliau memberitahu, 10 negeri merekodkan peningkatan inflasi di bawah paras nasional 1.9 peratus. Walau bagaimanapun, enam negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional.